



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 12/2017 dari 18 hingga 24 Mac 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-12 iaitu bermula dari 18 Mac hingga 24 Mac 2018 menunjukkan peningkatan. Sejumlah 1,083 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-12, peningkatan empat (4) kes (0.4%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,079 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 24 Mac 2018 sebanyak 13,658 kes berbanding 21,946 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 8,288 kes (37.8%).

Namun demikian, terdapat sepuluh negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang 28 kes (40%), Sarawak 9 kes (90%), Sabah 6 kes (9.7%), Perak 3 kes (5%), Selangor 3 kes (0.3%), WP Labuan 3 kes, Perlis 2 kes (66.7%), Terengganu 1 kes (25%), Melaka 1 kes (16.7%) dan Kelantan 1 kes (6.7%). Oleh yang demikian, aktiviti pencegahan Denggi perlu terus dipergiatkan terutamanya penghapusan pembiakan nyamuk Aedes melalui pembersihan persekitaran di premis yang berisiko tinggi seperti taman mainan/rekreasi, tanah/lot kosong, projek terbengkalai, kilang/gudang dan tanah perkuburan.

Untuk makluman, terdapat tiga (3) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-12, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 31 kematian, berbanding 50 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, pengurangan sebanyak 19 kematian (37.8%).

Jumlah lokaliti wabak semasa menurun sebanyak 17 lokaliti (5.2%), iaitu 327 lokaliti pada minggu ke-12 berbanding 344 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu tersebut juga, terdapat 46 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan empat (4) buah negeri iaitu 35 lokaliti di Selangor, lima (5) lokaliti di Perak, empat (4) lokaliti di Pulau Pinang, dan dua (2) lokaliti di Sabah.

Tiada kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-12. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 24 Mac 2018 kekal sebanyak 41 kes iaitu 34 kes dari Kelantan, tiga (3) kes dari Kedah dan masing-masing satu (1) kes dari Sabah, Perlis, Selangor dan Sarawak. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 481 sampel darah pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Pencegahan Denggi merupakan tanggungjawab setiap individu dan masyarakat. Oleh itu, sebanyak 3,082 pasukan COMBI telah ditubuhkan melibatkan 63,000 orang sukarelawan. Peranan COMBI adalah untuk menggerakkan ahli dalam komuniti bersama-sama agensi kerajaan dan swasta menjalankan aktiviti pencegahan Denggi. Kementerian Kesihatan sentiasa bersedia untuk membantu mana-mana komuniti yang ingin menjalankan program COMBI di tempat mereka. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

 **Mac 2018**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2018
(18 hingga 24 Mac 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 12/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 12/2017	
		Minggu 12 (18 – 24 Mac 2018)		Minggu 11 (11 – 17 Mac 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	5	0	3	0	54	0	48	0
2	Kedah	30	0	48	0	301	1	320	1
3	P. Pinang	98	0	70	0	948	1	485	4
4	Perak	63	0	60	0	815	2	1,982	6
5	Selangor	580	1	577	0	7,295	10	11,598	12
6	WP KL & Putrajaya	71	0	84	0	923	2	1,932	9
7	N. Sembilan	25	0	26	0	272	0	897	7
8	Melaka	7	0	6	0	139	0	469	0
9	Johor	79	1	96	0	1,362	4	1,540	4
10	Pahang	14	0	18	0	212	1	566	1
11	Terengganu	5	0	4	0	39	0	85	0
12	Kelantan	16	1	15	0	241	1	1,081	2
13	Sarawak	19	0	10	0	136	1	421	1
14	Sabah	68	0	62	2	909	8	519	3
15	WP Labuan	3	0	0	0	12	0	3	0
	MALAYSIA	1,083	3	1,079	2	13,658	31	21,946	50

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 12/2018
(18 hingga 24 Mac 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	27	80
2	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	23	71
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	42	69
4	SELANGOR	Klang	Aparment Bayu Villa	15	68
5	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	18	61
6	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 8	26	61
7	SELANGOR	Gombak	Appt Springvilla	24	56
8	SELANGOR	Gombak	Kg Fajar Ulu Klang	9	55
9	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	20	54
10	SELANGOR	Gombak	Pkns Bt 16 Rawang	11	52
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	18	51
12	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Cempaka (Wangi)	18	49
13	SELANGOR	Klang	Tmn Sentosa Jln Hamzah Alang 4	22	48
14	SELANGOR	Klang	Pulau Indah (Flat Sri Bahtera)	24	48
15	PERAK	Kinta	Kg Merawan Indah	35	48
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	30	48
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang A : Blok G1 - G8)	26	47
18	SELANGOR	Klang	Tmn Sri Menegun (Jln Teluk Menegun 4)	17	47

19	SELANGOR	Klang	B.B.K Appartment Palm Garden	14	46
20	SELANGOR	Klang	Pekan Meru (Jln Tempinis 2)	21	45
21	SELANGOR	Gombak	Appt Rosewood Court	13	45
22	SELANGOR	Klang	Tmn Seri Sementa (Jln Seri Sementa 7)	14	44
23	SELANGOR	Petaling	Seksyen U1 Pangsapuri Kerjaya	17	42
24	SELANGOR	Klang	Bandar Putera (Jln Kebun Nenas 2f/Ks7)	22	41
25	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Ecohill 1/3 Setia Ecohill	6	41
26	SABAH	Lahad Datu	Kg. Sabah Baru	10	41
27	P PINANG	Timur Laut	Pangsapuri Pegawai Polis Lorong Batu Lancang(X)	11	40
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Teres D : Jalan 18/19 - 18/27)	23	40
29	P PINANG	Timur Laut	Mutiara Idaman	11	39
30	P PINANG	Seberang Perai Tengah	Pangsapuri Idaman	38	39
31	SELANGOR	Klang	Taman Bayu Perdana (Jalan Batu Unjur 1-2)	15	39
32	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2/2 Seksyen 2 Bandar Sri Putra	5	37
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa K : Jalan Bilal Wondo)	11	37
34	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	10	36
35	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Utarid : Blok 8 - 10)	9	36
36	SELANGOR	Klang	Pandamaran Jaya (Jalan 10)	7	35
37	SELANGOR	Klang	Flat Taman Sri Sementa	18	35
38	SELANGOR	Petaling	Ss 19/5	8	34
39	SELANGOR	Hulu Langat	Blok H-M Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	10	32
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen U12 (Tmn Cahaya Alam Teres B : Jln U12/18a - U12/21e)	15	32
41	P PINANG	Timur Laut	Changkat Minden	9	32
42	SABAH	Kota Kinabalu	Tanjung Aru Lama	18	31

43	PERAK	Kampar	K/B Jeram	15	31
44	SELANGOR	Hulu Selangor	Jalan Inai, Bb	5	31
45	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Seri Kembangan Bb	8	31
46	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Cincin	6	31